

OIC kekal dalam PBB

Peranan negara Islam perlu untuk suarakan pendirian: PM

Oleh Wan Hazmir Bakar

BANGI: Negara Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) tidak akan keluar daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) walaupun badan dunia itu gagal mengusahakan gencatan senjata bagi menghentikan keganasan Israel di Lubnan dan Palestin disebabkan kuasa veto Amerika Syarikat, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Sebaliknya, Perdana Menteri yang juga pengerusi semasa OIC percaya, negara Islam masih boleh memainkan peranan aktif dalam PBB untuk mempengaruhi keputusan badan dunia itu dalam pelbagai isu lain yang dibawa kepadanya.

Katanya, penarikan diri OIC daripada badan dunia itu hanya akan melemahkan suara negara membangun serta kumpulan lain seperti Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) dan Kumpulan G77 yang turut dianggotai negara Islam.

"Keputusan itu tentulah bergantung kepada apa pendirian OIC. Saya lihat OIC tidak akan keluar daripada PBB kerana kita boleh terus memainkan peranan aktif dalam pertubuhan berkenaan. Banyak isu yang dibawa kepada pertubuhan itu, banyak isu sebenarnya yang mengenai OIC dan

NAM dan pertubuhan lain.

"Kalau kita masih ada kita akan memberi kekuatan kepada kumpulan NAM dan G77 dan lain-lain. Jika kita keluar akan jadi kekurangan dan tambahan pula banyak perkara, selain politik yang dibincang pada peringkat PBB, jawatankuasa dan badan lain yang kita percaya pandangan kita diambil kira," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Sidang Kemuncak Kelab Penyayang 2006 anjuran Yayasan Budi Penyayang di Institut Latihan Keselamatan Sosial KWSP (ESSET) di sini, semalam.

Hadir sama Menteri Pengajian

"Penarikan diri OIC daripada PBB hanya melemahkan suara negara membangun serta kumpulan lain yang turut dianggotai negara Islam"

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed, Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Noh Omar, Pengerusi Yayasan Budi Penyayang, Nori Abdullah dan Pengerusi Astro, Datuk Badri Masri.

Perdana Menteri diminta mengulas gesaan Naib Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Khairy Jamaluddin supaya negara Islam keluar daripada PBB kerana majoriti anggota badan dunia itu tidak boleh berbuat apa-apa kerana kuasa veto dimiliki negara kuasa besar.

Khairy membuat gesaan itu ketika mengetuai kira-kira 10,000 rakyat pelbagai kaum berdemonstrasi menuntut kekejaman Israel terhadap Lubnan dan Palestin di perkarangan Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) bagi menyerahkan memorandum bantahan kepada Setiausaha Negara Amerika, Condoleezza Rice, yang nadir pada Forum Serantau Asean (ARF) di situ.

Mengenai pendirian Amerika dan Britain yang tidak mahukan gencatan senjata segera diadakan, Abdullah berkata, OIC tidak sekadar menunggu dan melihat, sebaliknya akan berusaha memberi tekanan dan perkara itu akan dibincangkan pada mesyuarat tergepar Jawatankuasa Eksekutif OIC Khamis ini.

"Rice menyatakan mereka juga hendak gencatan senjata itu diada-

kan, kalau hendak buatlah sekarang kerana menunggu ertinya makin besar dan luas lagi kemusnahan yang akan dilakukan Israel.

"Saya tidak akan menunggu dan tengok ada atau tidak gencatan senjata. Selagi tidak ada gencatan senjata, selama itu mereka akan terus dibenarkan mengganas di Lubnan," katanya merujuk kenyataan Rice pada akhir mesyuarat ARF kelmarin bahawa Washington akan mengusahakan gencatan senjata.

Presiden Amerika, George W Bush dan Perdana Menteri Britain, Tony Blair, pada pertemuan di Rumah Putih kelmarin menolak pelaksanaan gencatan segera, sebaliknya menandatangani apa yang dikatakan penyelesaian menyeluruh bagi menangani bukan saja krisis di Lubnan tetapi juga di Asia Barat.

Mengenai Mesyuarat Menteri-Menteri Asean (AMM) dan ARF itu, Abdullah menyifatkannya sebagai persidangan yang berjaya kerana banyak perkara dibincangkan dan pendirian penting berhubung isu besar seperti Asia Barat, Myanmar dan usaha mewujudkan Komuniti Asean dibuat.

"Saya gembira kerana sepanjang setahun Malaysia menjadi Pengerusi Asean banyak kejayaan yang diperoleh," katanya.